



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGGUNAAN KATA ADJEKTIF DALAM BERITA JENAYAH AKHBAR  
ATAS TALIAN***

**SITI NORIDAYU ABD NASIR**

**FBMK 2017 24**



**PENGGUNAAN KATA ADJEKTIF DALAM BERITA JENAYAH AKHBAR  
ATAS TALIAN**

**SITI NORIDAYU BINTI ABD NASIR**

Oleh

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

Mac 2017

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam teks ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia.



## **DEDIKASI**

Terima kasih dan setulus penghargaan buat,

Sharipah Mat Hashim, Ishak Hassan, Mohd. Ridwan dan Nurul Ain Kamilia

Ikatan kekeluargaan yang menguatkan diri ini untuk terus ke hadapan. Semoga Allah mengeratkan ikatan kasih kita.

Tidak pernah dilupakan jasa dan bakti didikan mereka buat,

Dr. Sharil Nizam Shaa'ri, Prof. Madya Dr. Hazlina Abd Halim, Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah, Dr. Norazlina Hj. Mohd Kiram dan semua pensyarah yang berada bersama.

Jasa dan budi kalian akan dikenang sampai bila-bila. Semoga Allah merahmati kehidupan kalian.

Sentiasa di hati walaupunkekangan masa sering menghambat, aku tujukan dedikasi ini buat,

Dr. Mohd. Faizal bersama sang penghibur hatimu yang selalu membuat diri ini senyum dalam cabaran meneruskan perjuangan mengapai ilmu ini. Semoga Allah merahmati segalanya.

Menuntut ilmu bukan hanya sejengkal cuma tetapi penuh pengertian dan kekurangan jika semakin digali.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENGGUNAAN KATA ADJEKTIF DALAM BERITA JENAYAH AKHBAR  
ATAS TALIAN**

Oleh

**SITI NORIDAYU BINTI ABD NASIR**

Mac 2017

**Pengerusi : Sharil Nizam Bin Sha'ri, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Berita jenayah adalah salah satu daripada rangkuman berita dalam akhbar di Malaysia. Antara akhbar yang menjadi kajian adalah Berita Harian *Online* dan Utusan Malaysia *Online*. Dalam berita jenayah yang dipaparkan, penggunaan kata adjektif penting untuk memberikan gambaran yang lebih jelas tentang jenayah tersebut. Malahan, kajian ini berujuan mengkelaskan kata adjektif mengikut sembilan pengkelasan Tatabahasa Dewan dan mengaplikasikan aspek pengulangan dan sinonim dalam kohesi leksikal (Teori Hassan & Halliday 1976). Bagaimanapun, sampel kajian ini terbatas kepada berita dalam akhbar utama di Malaysia sahaja memandangkan terdapat akhbar yang menggunakan bahasa tidak formal. Antara jenis kata adjektif yang akan dianalisis melalui akhbar atas talian, iaitu kata adjektif sifatan atau keadaan, kata adjektif warna, kata adjektif ukuran, kata adjektif bentuk, kata adjektif waktu, kata adjektif jarak, kata adjektif cara, kata adjektif perasaan dan kata adjektif pancaindera. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kata adjektif waktu digunakan secara meluas kerana peranannya untuk menjawab *bila* kejadian jenayah berlaku. Sebaliknya, penggunaan kata adjektif pancaindera dan warna paling sedikit digunakan kerana tidak terlalu penting sebagai info berita jenayah. Adalah diharapkan kajian ini menjadi panduan kepada penulis berita jenayah secara khususnya dalam pemilihan kata adjektif yang sesuai dengan isu yang diolah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Arts

## **USE OF ADJECTIVES IN ONLINE NEWSPAPER CRIME NEWS**

By

**SITI NORIDAYU BINTI ABD NASIR**

**March 2017**

**Chairman : Sharil Nizam Bin Sha'ri, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

Crime stories are one of the incredible news stories in Malaysia. Among the newspapers in the study were *Berita Harian Online* and *Utusan Malaysia Online*. In the criminal news presented, the use of adjectives is important to give a clearer picture of the crime. In fact, this study aims to clarify adjectives in nine clauses of the Grammar Hall and apply the repetition and synonym aspects in lexical cohesion (Hassan & Halliday Theory 1976). However, this study sample is limited to news in major newspapers in Malaysia only as there are newspapers using informal languages. Among the various adjectival words to be attributed to the online newspaper, namely the adjective or the adjective, the word adjectives, the word adjectives, the adjectives . The findings show that the use of word adjectival time is widely used because of its role to answer when a crime occurs. On the other hand, the use of sensory and color adjectives is the least used because it is not as important as criminal news info. It is hoped that this study will be a guideline for criminal news writers in particular in the selection of adjectives that are in line with the issue being processed.

## PENGHARGAAN

*Bismillahhirahmanirahim*

Segala puji dan kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.WT.

Syukur kepada Allah S.W.T kerana keizinan-Nya, diberikan segala kekuatan dan kesabaran dalam menghadapi proses menyiapkan tesis ini. Perjalanan yang getir diharungi dengan pelbagai dugaan hanya untuk menguji tahap kekuatan manusia. Begitu juga dalam mengharungi detik-detik sebagai seorang mahasiswa di universiti. Sesungguhnya kejayaan hari ini tidak dapat dicapai tanpa doa dan sokongan padu daripada semua pensyarah yang sentiasa berada di belakang saya. Penghargaan yang tidak terhingga kepada Dr. Sharil Nizam Sha'ri sebagai penyelia yang tidak pernah mengabaikan anak didiknya ini tanpa mengira waktu, mendengar dan berkongsi duka. Prof. Madya Dr. Hazlina Abd Halim yang sering memberikan nasihat dalam meyempurnakan tesis, perkongsian penuh makna Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah akan sentiasa diingati. Begitu juga, Dr. Norazlina Hj Mohd Kiram yang sentiasa mendidik saya tentang ketelusan dalam pekerjaan yang dilakukan. Tanpa bimbingan kalian, mana mungkin saya akan berada hingga ke tahap ini.

Buat Dr. Faizal, terima kasih kerana telah mengajar saya tentang sesuatu yang berharga dalam hidup hingga saya berjaya menamatkan tesis yang penuh cabaran ini. Saya percaya awak juga akan menjadi yang terbaik dalam kerjaya awak.

Penghargaan ini ditujukan juga kepada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia kerana telah memberikan saya peluang untuk berada di fakulti ini sejak lima tahun yang lalu. Banyak ilmu yang saya timba sepanjang berada di fakulti ini, akan dikenang sampai bila-bila. Tidak dilupakan Unit Siswazah , Universiti Putra Malaysia yang sering melancarkan proses saya sepanjang menjadi pelajar master. Kementerian Pengajian Tinggi yang memberikan saya peluang untuk mengutip ilmu lagi hingga ke peringkat ini.

Akhirkalaman, buat keluarga tersayang yang menjadi kekuatan saya selama ini. Sentiasa bersama dalam hujan ribut dan kekalutan kehidupan untuk mengapai bintang. Terima kasih semua.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjuma pada 1 Mac 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Siti Noridayu bt. Abd. Nasir bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Penggunaan Kata Adjektif dalam Berita Jenayah Akhbar Atas Talian" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Che Ibrahim bin Salleh, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nor Azuwan binti Yaakob, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Hamedи bin Mohd Adnan, PhD**

Profesor Madya  
Universiti Malaya  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 Ogos 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Sharil Nizam Bin Sha'ri, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah, PhD**

Professor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**Hazlina Abdul Halim, PhD**

Professor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan ) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan ) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Siti Noridayu Binti Abd Nasir , GS42984

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Dr. Sharil Nizam Bin Sha'ri

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Professor Madya Dr. Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Professor Madya Dr. Hazlina Abdul Halim

## ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Berita Harian Secara Bercetak kepada <i>Online</i>	5
1.1.2 Utusan Malaysia Secara Bercetak kepada <i>Online</i>	8
1.2 Permasalahan Kajian	9
1.3 Persoalan Kajian	13
1.3.1 Apakah pengelasan kata adjektif yang digunakan dalam wacana jenayah akhbar atas talian BH <i>Online</i> dan Utusan Malaysia <i>Online</i> ?	13
1.3.2 Apakah kata adjektif dalam wacana jenayah yang mengalami unsur sinonim dan perulangan yang dianalisis menggunakan kerangka Teori Hassan & Halliday 1976?	13
1.4 Objektif Kajian	13
1.4.1 Mengenal pasti kata adjektif dalam wacana jenayah yang digunakan dalam akhbar atas talian BH <i>Online</i> dan Utusan Malaysia <i>Online</i> .	14
1.4.2 Mengaplikasikan unsur sinonim dan pengulangan dalam Teori Hassan & Halliday 1976 bagi menganalisis pengelasan kata adjektif akhbar atas talian BH <i>Online</i> dan Utusan Malaysia <i>Online</i> .	14
1.5 Kepentingan Kajian	14
1.6 Batasan Kajian	15
1.7 Definisi Operasional	17
1.7.1 Wacana	17
1.7.2 Berita	18
1.7.3 Jenayah	18
1.7.4 Kata adjektif	18
1.7.5 Akhbar atas talian	18
1.7.6 Kohesi leksikal	19
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	20
2.1 Pengenalan	20
2.2 Kajian tentang Akhbar Bercetak dan Atas Talian	20

2.3	Kajian tentang Wacana dalam Teks dan Ujaran	24
2.4	Kajian tentang Berita Jenayah dalam Akhbar	34
2.5	Kajian tentang Kata Adjektif dalam Akhbar	40
2.6	Kajian tentang Media Atas Talian	42
2.7	Kajian tentang Kohesi Leksikal	43
2.8	Kajian tentang Teori Hassan & Halliday 1976	48
2.9	Perkaitan antara Kajian Lepas dengan Kajian Ini	51
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	53
3.1	Pengenalan	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	53
3.2.1	Kajian Analisis Teks	53
3.2.2	Kaedah Kajian	54
3.2.2.1	Kajian Deskriptif	55
3.2.2.2	Kajian Laman Web	55
3.3	Sampel kajian	55
3.4	Prosedur kajian	55
3.5	Alat Kajian	56
3.5.1	Analisis teks	56
3.6	Analisis Kajian	56
3.7	Teori Konseptual	56
3.8	Kerangka Konseptual	58
3.9	Pengelasan Jenis Kata Adjektif	59
3.9.1	Kata Adjektif Sifatan atau Keadaan	60
3.9.2	Kata Adjektif Warna	60
3.9.3	Kata Adjektif Ukuran	60
3.9.4	Kata Adjektif Bentuk	61
3.9.5	Kata Adjektif Waktu	61
3.9.6	Kata Adjektif Jarak	61
3.9.7	Kata Adjektif Cara	61
3.9.8	Kata Adjektif Perasaan	62
3.9.9	Kata Adjektif Pancaindera	62
3.9.10	Peranan dan Perbezaan Kata Adjektif	63
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	66
4.1	Pengenalan	66
4.2	Mengenal pasti kata adjektif yang digunakan dalam akhbar BH <i>Online</i> dan Utusan Malaysia <i>Online</i>	66
4.2.1	Kata adjektif dalam akhbar atas talian BH <i>Online</i>	66
4.2.2	Kata adjektif dalam akhbar atas talian Utusan Malaysia <i>Online</i>	70
4.3	Mengaplikasikan unsur sinonim dan pengulangan dalam Teori Hassan & Halliday 1976 bagi menganalisis pengelasan kata adjektif akhbar atas talian BH <i>Online</i> dan Utusan Malaysia <i>Online</i>	74
4.3.1	Berita Harian <i>Online</i>	74
4.3.1.1	Sinonim	75
4.3.1.2	Perulangan	75
4.3.2	Utusan Malaysia <i>Online</i>	77

4.3.2.1	Sinonim	77
4.3.2.2	Perulangan	78
4.4	Implikasi Dapatan Kajian	81
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>82</b>
5.1	Pengenalan	82
5.2	Rumusan Kajian	82
5.2.1	Rumusan Kata Adjektif dalam Akhbar Atas Talian BH Online dan Utusan Malaysia Online	82
5.2.2	Rumusan Jenis Kata Adjektif dalam Akhbar Atas Talian BH <i>Online</i> dan Utusan Malaysia <i>Online</i> menggunakan Teori Hassan & Halliday 1976	83
5.3	Cadangan Kajian	84
5.3.1	Cadangan Penggunaan Kata Adjektif yang lebih menyeluruh dalam Akhbar Atas Talian Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di Malaysia	84
5.3.2	Cadangan Penggunaan Kata Adjektif yang Lebih Berkesan dalam Penulisan Berita Jenayah	84
5.3.3	Cadangan Penyelidikan Selanjutnya	85
<b>BIBLIOGRAFI</b>		<b>86</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>102</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>		<b>148</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
3.1 Jenis gabungan indera mengikut pengelasan Tatabahasa Dewan.	63
3.2 Peranan Kata Adjektif dalam Berita Jenayah.	64
3.3 Perbezaan Penggunaan Kata Adjektif dalam Berita Jenayah.	65
4.1 Artikel jenayah dalam BH <i>Online</i> berdasarkan 50 artikel berita atas talian.	67
4.2 Artikel jenayah dalam Utusan Malaysia <i>Online</i> berdasarkan 50 artikel berita atas talian.	70
4.3 Jenis kata adjektif dan unsur sinonim dalam akhbar atas talian BH <i>Online</i> .	75
4.4 Jenis kata adjektif dan unsur perulangan dalam akhbar atas talian BH <i>Online</i> .	76
4.5 Jenis kata adjektif dan unsur sinonim dalam akhbar atas talian Utusan Malaysia <i>Online</i> .	78
4.6 Jenis kata adjektif dan unsur perulangan dalam akhbar atas talian Utusan Malaysia <i>Online</i> .	79

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Proses Analisis Data Kualitatif.	54
3.2	Kerangka Teori Hassan & Halliday 1976.	56
3.3	Kerangka Teori Hassan & Halliday 1976.	57
3.4	Kerangka Konseptual Kajian <i>Kata Adjektif dalam Berita Jenayah Akhbar Atas Talian</i>	59



## **SENARAI SINGKATAN**

BH	Berita Harian
BI	Bahasa Inggeris
BM	Bahasa Melayu
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
NST	<i>News Straits Times</i>



## BAB 1

### LATAR BELAKANG KAJIAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Pembinaan ayat yang sempurna bagi penulisan bahasa Melayu memerlukan aspek tatabahasa yang betul dan standard. Salah satu aspek penting yang wujud dalam binaan ayat adalah penggunaan kata adjektif. Ciri penting ini juga wujud dalam pembinaan ayat yang melibatkan penulisan akhbar atas talian di Malaysia. Selain itu, kata adjektif memainkan peranan yang penting dalam salah satu penulisan berita atas talian di Malaysia, iaitu berita jenayah. Secara umumnya, berita jenayah disebarluaskan melalui media massa, media cetak dan laman sesawang. Oleh yang demikian, syarikat penerbitan akhbar secara bercetak telah mengambil inisiatif menyampaikan berita jenayah terkini di laman sesawang melalui akhbar atas talian melalui laman web setiap syarikat akhbar.

Oleh itu, penggunaan kata adjektif dalam berita jenayah wujud dalam setiap penulisan akhbar atas talian di Malaysia. Maka penggunaan kata adjektif dalam penulisan berita adalah salah satu wacana bahasa dalam bahasa Melayu. Bidang kajian wacana adalah salah satu cabang ilmu dalam kajian bahasa. Malahan kajian wacana juga meluas dalam pelbagai bahasa. Antaranya, adalah bahasa Melayu yang menjadi bahasa utama di Malaysia.

Seterusnya, pengajian wacana juga dikenali sebagai *discourse studies* dalam bahasa Inggeris. Kemunculan istilah ini berkaitan dengan pandangan bahawa kajian wacana mempunyai akar dalam banjaran tradisi teoretikal yang menyelidiki hubungan antara bahasa, struktur dan pelakunya (Idris Aman, 2010: 14). Malahan, wacana adalah istilah kunci penting dalam kosa ilmu kemanusiaan dan sains sosial. Selain itu, bidang wacana adalah analisis yang berkaitan dengan analisis wacana kritis, linguistik kritis, linguistik teks, analisis perbualan, etnometodologi, psikologi diskursif, stilistik, kajian genre, analisis wacana berperantara, teori wacana, sosisolinguistik, analisis retorik, teori hujahan dan sebagainya (Idris Aman, 2010: 14). Oleh itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti dengan lebih teliti ruang yang terdapat dalam aspek kajian ilmu wacana dalam kajian teks berita jenayah akhbar atas talian dengan memfokuskan penggunaan kata adjektif.

Bagaimanapun, bidang kajian wacana begitu meluas melalui penggunaan teori yang sesuai untuk menganalisis teks dan ujaran dalam bahasa Melayu. Kajian wacana bahasa adalah salah satu penyelidikan yang menggabungkan elemen yang berbeza dalam linguistik. Oleh itu, kajian yang dijalankan begitu menarik apabila diteliti dan difahami dengan menggunakan pendekatan manupun teori yang bersesuaian. Sesungguhnya kajian yang bersifat multi disiplin adalah kajian yang begitu menarik (Nor Hashimah Jalaludin, 2013: 25). Malahan banyak kepakaran dapat disinergikan

bersama demi menghasilkan satu dapatan yang kajian yang bermutu tinggi (Nor Hashimah Jalaludin, 2013: 25). Oleh itu, kajian wacana dalam akhbar jenayah adalah salah satu kajian yang dijalankan dengan mengaplikasikan teks berdasarkan teori. Di samping itu, kajian yang dijalankan juga dapat membuktikan keberkesanannya penggunaan teori Hassan & Halliday 1976 dalam penganalisisan data kajian.

Seterusnya, wacana bahasa Melayu yang menggunakan teks begitu meluas walaupun berada dalam skop penulisan sahaja. Wacana boleh mengkaji aspek ayat tanya dan sebagainya seperti kajian lepas yang pernah dijalankan. Oleh itu, pengenalpastian unit ujaran awal dalam sesuatu wacana akan memberikan maklumat yang penting kepada pengenalpastian unit ujaran yang mengikutinya (Ahmad Mahmood Musanif, 2011: 48). Selain itu, jika sesuatu ayat dapat mendukung pelbagai kemungkinan makna selain daripada pertanyaan, maka unit yang mengikutinya juga dapat mendukung pelbagai kemungkinan makna selain daripada hanya sebagai jawapan (Ahmad Mahmood Musanif, 2011: 48). Oleh itu, dalam kajian wacana yang menggunakan teks, binaan ayat memainkan peranan yang penting dan berkait dengan ayat sebelumnya. Begitu juga dalam penulisan berita jenayah akhbar atas talian yang memerlukan kaitan ayat seterusnya dan ayat yang ditulis sebelumnya. Kesinambungan ayat menunjukkan plot cerita juga kematangan penulisan tentang berita jenayah agar lebih mudah difahami oleh khalayak pembaca berita jenayah akhbar atas talian di Malaysia.

Selain itu, dari sudut pendekatan kajian yang dijalankan menanggapi bahawa huraian bahasa wajar memanfaatkan, bermula, dan berasaskan wacana kerana wacana adalah linguistik yang lebih besar daripada ayat serta merupakan manifestasi penggunaan bahasa sebenar yang sempurna. Oleh yang demikian, wacana adalah kajian yang meluas dan bersifat kepelbagaian dalam analisis yang dijalankan yang turut membayangkan kepelbagaian dalam bahasa dan minda manusia. Tambahan pula, kepelbagaian itu mencari cabaran luas terhadap kebekuan linguistik kepada perkara-perkara yang sempit atau *parochial* (Idris Aman, 2011: 141).

Kemudian, penulisan dalam akhbar secara atas talian atau bercetak perlu menggunakan bahasa sebagai medium penyampai maklumat kepada khalayak pembaca umumnya. Oleh itu, tanpa penggunaan bahasa maka tidak wujud medium penyampaian maklumat kepada pembaca. Maka, kandungan sesuatu akhbar itu terdiri dari pelbagai jenis tulisan, dilihat bukan sahaja dari segi bahan tulisan tetapi juga dari segi gaya dan larasnya (Asmah Haji Omar, 1986: 41). Bagaimanapun, penulisan akhbar atas talian adalah penulisan yang bersifat ilmiah dan akademik, memerlukan penggunaan tatabahasa yang betul dan ayat yang menarik apabila ditulis. Penulisan akhbar jenayah adalah salah satu penulisan jenis deskriptif yang melibatkan penggunaan wacana bahasa. Hasil penulisan kewartawanan dan akademik tergolong dalam penulisan deskriptif (Asmah Haji Omar, 2011: 14). Oleh yang demikian, teori wacana mempunyai perkaitan dengan penulisan akademik (Asmah Haji Omar, 2009: 36). Maka, kajian berkaitan wacana jenayah dalam akhbar atas talian merupakan salah satu penulisan akademik yang menggunakan teori bagi mengaplikasikan kata adjektif di dalam binaan ayat berita jenayah.

Lazimnya, bahasa berita akhbar tidak dapat dipisahkan daripada aspek bahasa yang menjadikan penulisan tersebut sebagai sebuah wacana. Surat khabar boleh dikatakan sebagai media bukan sahaja bagi berbagai-bagai jenis berita, tetapi adalah juga media bagi berbagai-bagai laras dan gaya bahasa (Asmah Haji Omar, 1986: 41). Maka bahasa laporan akhbar atas talian juga menggunakan pelbagai jenis ayat termasuklah penggunaan kata adjektif yang menjadi salah satu unsur tatabahasa. Maka, bahasa laporan berita menggunakan berbagai-bagai jenis ayat seperti ayat selapis, ayat berlapis dan ayat majmuk (Asmah Haji Omar, 1986: 48).

Maka, kajian yang dijalankan ini memperihalkan dengan lebih lanjut tentang penggunaan kata adjektif dalam penulisan berita jenayah akhbar atas talian yang menggunakan bahasa Melayu di Malaysia. Terutamanya, hubung kait penggunaan kata adjektif mengikut pengelasannya dalam wacana jenayah akhbar atas talian yang disiarkan setiap hari di laman sesawang. Bagaimanapun kajian hanya memberi fokus utama pada penggunaan sembilan jenis kata adjektif sahaja. Umum mengetahui bahawa akhbar atas talian di Malaysia lazimnya menggunakan bahasa Melayu sebagai medium penyampaian maklumat dan berita jenayah yang paling utama di Malaysia.

Oleh yang demikian, kajian ini adalah penyelidikan teks yang mengkaji kata adjektif dalam penulisan berita jenayah akhbar atas talian di Malaysia. Dalam kajian ini juga analisis memfokuskan kepada wacana jenayah yang terdapat dalam akhbar atas talian. Wacana terdapat dalam pelbagai bentuk dan kajian terhadap aspek wacana bahasa begitu meluas dalam bidang akademik. Dalam analisis wacana juga, wujudnya wacana perbualan di telefon, bil televisyen kabel, keluarga, perbicaraan di mahkamah, surat niaga, pedagogi di dalam bilik darjah, khutbah, ceramah, forum, mensyuarat, ucapan, seminar, cerpen, puisi, makalah ilmiah, laporan akhbar, gosip, perbualan di kedai kopi dan sebagainya (Idris Aman, 2011: 25). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji wacana dalam akhbar jenayah melalui dua akhbar atas talian pilihan yang menggunakan medium penyampaian dalam bahasa Melayu di Malaysia.

Seterusnya, akhbar yang menggunakan medium penyampaian melalui media cetak di Malaysia lazimnya mempunyai laman web masing-masing bagi memudahkan penyampaian maklumat kepada pembaca seperti berita jenayah, sukan, politik, ekonomi dan sebagainya. Di Malaysia lazimnya terdapat lebih daripada dua buah syarikat penerbitan akhbar bercetak yang kini telah mula menyampaikan penulisan berita secara atas talian. Antaranya adalah akhbar atas talian Berita Harian *Online* dan Utusan Malaysia *Online*. Nama dua akhbar atas talian tersebut sudah tidak asing lagi di Malaysia. Penyampaian maklumat melalui penulisan berita bukan sahaja di media cetak tetapi melangkaui sempadan dunia melalui alam maya. Kepesatan teknologi kini telah memberi inovasi dalam dunia laporan berita bagi menyampaikan wadah melalui pelbagai saluran. Terutamanya saluran alam maya yang menjadi medium utama penyampaian maklumat di negara ini.

Oleh itu, berita terkini dapat dipaparkan dalam laman web di internet bagi memudahkan aplikasi oleh pembaca secara umum. Maka, dengan kelebihan teknologi ini, bahan berita yang sampai kepada pembaca akan lebih pantas dengan capaian khalayak yang lebih ramai (Hamidah Abdul Wahab, 2012: 25). Melalui laman web yang disediakan oleh syarikat akhbar maka penyampaian berita kepada pembaca lebih pantas dan efektif. Oleh yang demikian, pembaca akhbar tidak perlu lagi bersusah payah mendapatkan akhbar bercetak di luar rumah mahupun tempat kerja. Tidak dapat disangkal lagi penyampaian laporan berita melalui alam maya dapat menjimatkan masa dan lebih praktikal pada masa kini. Setiap akhbar diterbitkan untuk menampilkan pelbagai berita. Antaranya berita semasa, berita sukan, berita dunia, berita setempat, berita politik dan berita jenayah. Bagaimanapun berita jenayah antara berita yang penting untuk disampaikan kepada khalayak pembaca. Kepentingannya bukan sahaja sekadar berita malahan dapat menjadi teladan dan peringatan kepada pembaca.

Oleh yang demikian, berita jenayah adalah salah satu berita yang sering dipilih oleh pembaca sebagai berita utama dan penting yang perlu diketahui. Lantaran itu, penulisan wacana jenayah perlu lebih telus dan teliti oleh wartawan jenayah mahupun penulis persendirian. Hal yang demikian kerana berita juga tidak terbatas dalam penulisan individu yang mempunyai kelayakan akademik sahaja. Terdapat juga sumber berita yang diterima oleh meja editor daripada penulis persendirian yang boleh menulis berita. Bagaimanapun, penulisan wacana jenayah begitu sensitif jika melibatkan isu-isu yang panas yang membabitkan individu tertentu yang terbabit dalam sesuatu kejadian jenayah.

Wacana jenayah memerlukan penggunaan perkataan yang betul dan sesuai dengan kejadian yang berlaku. Tajuk yang berunsurkan humor dan tidak serius sepatutnya perlu dielakkan dalam penulisan laporan akhbar yang melibatkan berita jenayah. Hal ini demikian kerana isu yang akan disampaikan bertujuan untuk memberitahu kepada khalayak pembaca tentang sesuatu kejadian jenayah. Rangkuman berita jenayah akan memberikan kesan kepada khalayak pembaca supaya mereka lebih berhati-hati. Malahan kepentingan laporan berita jenayah juga mempunyai kepentingannya kepada peguam sivil yang mengendalikan kes jenayah, pihak polis dan pihak berwajib dalam menjalankan penyiasatan.

Sehubungan itu, berita jenayah yang sering diutarakan dalam laman-laman akhbar atas talian seperti kes dera, kes pembuangan bayi, rogol, pembunuhan, rompakan, kecurian, ragut, rasuah, penyeludupan, dadah, langgar lari, sindikit wang palsu, perjudian, pelacuran, samseng, kongsi gelap dan penipuan adalah jenayah yang memberikan ancaman kepada masyarakat. Hampir setiap hari pembaca akhbar di Malaysia didedahkan kepada pelbagai penyakit masyarakat termasuk wabak AIDS, penyalahgunaan dadah, rasuah, pembuangan bayi, penderaan kanak-kanak dan perkosaan wanita (Rahmah Hashim dan Lim Soon Fatt, 1993). Kes jenayah yang berlaku adalah sesuatu yang serius di Malaysia. Oleh itu, penulis berita jenayah dan wartawan jenayah perlu memainkan peranan untuk menulis dengan lebih serius dan menggunakan perkataan yang boleh memberikan kesan mendalam kepada khalayak

pembaca. Antara aspek yang mempunyai cangkupan yang luas dengan mengambil kira pelbagai aspek dalam penulisan berita jenayah adalah kualiti penulisan berita jenayah yang baik. Melalui kata adjektif sahaja khalayak pembaca dapat mengetahui tentang rasa, jarak, warna, pancaindera, bentuk, ukuran, waktu dan perasaan dalam setiap peristiwa jenayah yang telah berlaku. Walaupun penyampaian berita jenayah hanya melalui penulisan teks berita tetapi memainkan peranan yang penting kepada khalayak pembaca untuk mengambil iktibar daripada jenayah yang berlaku. Malahan dapat menyelamatkan masyarakat dengan memberikan pendedahan tentang jenayah yang akan memberikan kesan buruk kepada mereka supaya tidak berlaku dan dapat dielakkan.

Maka jelas di sini bahawa kata adjektif mempunyai peri pentingnya yang besar dalam penulisan wacana jenayah di Malaysia. Hal ini kerana masyarakat kini lebih moden dan canggih dalam pemilihan medium capaian maklumat termasuklah laporan berita jenayah yang boleh diakses melalui laman sesawang. Tanpa kata adjektif maka tidak lengkaplah maklumat penting yang perlu disampaikan dalam setiap penulisan berita jenayah yang telah berlaku. Penggunaan kata adjektif dalam setiap wacana jenayah yang ditulis adalah meluas dalam setiap garapan ayat.

Seterusnya, kajian wacana jenayah dalam akhbar atas talian di Malaysia wajar dikaji bagi mendapatkan hasil penulisan yang terbaik. Tulisan wacana jenayah di Malaysia didominasi oleh penulisan dalam bahasa. Maka tidak hairanlah jika bahasa Melayu menjadi utama yang boleh digelar sebagai *lingua franca* di Malaysia dalam penyampaian laporan berita. Selain itu, sejak dahulu lagi hal ini kerana akhbar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris telah menjadi pilihan masyarakat di Malaysia (Julia Wirza Mohd Zawawi dan Chang Peng Kee, 2013: 143). Antaranya ialah akhbar bercetak Berita Harian dan Utusan Malaysia. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini bertujuan menganalisis kata adjektif dalam wacana jenayah menggunakan akhbar atas talian di laman sesawang yang pesat digunakan di Malaysia. Rentetan itu, akhbar BH *Online* dan Utusan Malaysia *Online* dianalisis dalam kajian ini menggunakan pengkelasan sembilan jenis kata adjektif. Usaha ini penting bagi menghasilkan wacana penulisan berita jenayah akhbar atas talian yang lebih baik dan sempurna.

### 1.1.1 Berita Harian Secara Bercetak kepada *Online*

Berita Harian adalah akhbar berbahasa Melayu yang bermula pada tahun 1957 seiring dengan tahun kemerdekaan Tanah Melayu ketika itu. Hakikatnya, akhbar Berita Harian mempunyai isi kandungan yang sama dengan akhbar berbahasa Inggeris, iaitu Straits Times. Pada mulanya, akhbar Berita Harian menggunakan gambar Perdana Menteri pertama Malaysia, iaitu gambar Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai penghias muka hadapan akhbar. Ketika itu, akhbar Berita Harian hanya dijual pada harga 0.15 sen sahaja senaskhah.

Pada awal penubuhannya, syarikat akhbar Berita Harian hanya mempunyai lapan orang kakitangan yang bertugas sebelum pengarang pertamanya dilantik. Abdul Samad Ismail adalah pengarang akhbar Berita Harian yang pertama telah dilantik pada tahun 1958. Berita harian pernah melancarkan Berita Minggu pada 10 Julai 1960 dan pada tahun 1966 dengan konsep baharu, iaitu ‘masthead’.

Seterusnya, pada tahun 1972 Berita Harian mula diterajui oleh Abdul Wahab Zain yang menjadi seorang pengarang yang berjaya sepanjang tempoh lantikannya. Beliau menerajui Berita Harian sehingga tahun 1975. Berita Harian berjaya menambah sebanyak dua muka surat tambahan. Dengan pertambahan jumlah muka surat tersebut, maka akhbar Berita Harian menjadi 12 muka surat pada tahun 1974. Hasil pertambahan tersebut telah mempergiatkan penulisan berita dalam bidang ekonomi, nota fotografi, berita luar negara juga rencana umum. Pada tahun 1975 harga akhbar Berita Harian telah dinaikkan sebanyak 0.10 sen menjadikan harganya kepada 0.25 sen. Kemudian, Abdul Samad Said pula dilantik sebagai pengarang yang bertugas bermula tahun 1976 sehingga 1978 selama dua tahun bagi menggantikan tempat Abdul Wahab Zain. Selepas itu, kepimpinan dalam akhbar Berita Harian diterajui oleh Salim Kajai pada tahun 1978 yang membawa perubahan baharu. Antara perubahan tersebut adalah pelancaran Edisi Bandar Berita Harian pada tahun 1979 dan memberikan imej baharu pada ‘masthead’ dengan adanya penekanan elemen hiburan dalam akhbar.

Sepanjang akhbar Berita Harian di bawah pimpinan Salim Kajai, harga jualan akhbar tersebut telah naik kepada 0.35 sen senaskhah dan sekali lagi kepada 0.45 sen. Kali pertama wanita menerajui Berita Harian adalah pada tahun 1983, iaitu Adibah Amin. Bagaimanapun, Adibah Amin hanya memegang Berita Harian selama setahun dan digantikan dengan Ahmad Sebi Abu Bakar. Jawatan yang dipegang Ahmad Sebi Abu Bakar ketika itu adalah sebagai Pengarang Kumpulan dan telah mendapat kejayaan besar apabila Berita Harian dan Berita Minggu berjaya disatukan. Penyatuan dua akhbar tersebut adalah di bawah Berita Harian Sdn Bhd pada tahun 1985. Pada 20 Oktober 1985 juga Akhbar Dalam Darjah (ADD) telah dilancarkan. Bagaimanapun, Ahmad Sebi Abu Bakar hanya memegang jawatan selama dua tahun dan digantikan oleh A Kadir Jasin.

Pelantikan A Kadir Jasin memainkan peranan yang penting dalam arena hiburan apabila memperkenalkan Anugerah Bintang Popular (ABP) pada Disember 1987. Ahmad Nazri menggantikan tempat A Kadir Jasin pada 8 April 1988. Akhirnya Ahmad Nazri menerajui Berita Harian selama 10 tahun sebagai Pengarang Kumpulan. Beliau telah memberikan pembaharuan dalam akhbar tabloid sukan pada 8 Ogos 1989 yang mengandungi sebanyak 16 muka surat. Tema baru dalam Berita Harian muncul pada 2 Disember 1991 dengan temanya, ‘Sumber ilmu dan Maklumat Mutakhir.

Tarikh 1 Jun 1991 Berita Harian telah menerbitkan keluaran khas, iaitu Berita Wanita, Berita Pelajar, Berita Teknologi, Perspektif dan Dunia. Minda Pelajar pula telah diterbitkan pada 4 Disember 1993 dan pada masa yang sama harga Berita Harian telah dinaikkan kepada 0.70 sen. Selepas itu, tabloid Didik diterbitkan pada 23 Januari 1995. Manakala Mingguan Citra dengan tema ‘Bicara Wanita Kontemporari’ telah terbit pada 23 Februari 1995 dengan harga RM1.00. Sisipan Joran pula telah dilancarkan pada 4 Oktober 1995 sempena ulang tahun ke-40. Setahun selepas itu muncul pula Grand Prix Joran.

Melangkah 10 tahun selepas itu pada Julai 1998, kepimpinan Berita Harian diterajui oleh Ahmad Rejal Arbee. Atas kepimpinan baharu itu juga Berita Harian telah menaikkan harganya kepada RM1.20 senaskhah dan berlaku rombakan dalam kandungan akhbar Berita Harian. Akhirnya ‘masthead’ telah baharu muncul dengan grafik yang lebih menarik pada tahun 2000. Seiringan itu juga berlaku pertambahan pada ruangan berita, analisis dan rencana akhbar. Tahun 2001 menyaksikan dua tabloid keluaran Berita Harian menyisipkan dua tabloid pendidikan secara percuma bermula isu 6 hingga 12 Februari. Tidak terketinggalan Minda Pelajar yang disisipkan pada 5 hingga 11 Februari. Selepas itu, muncul pula Skor pada 26 April 2001 yang memfokuskan kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Berita Harian telah mengubah reka letaknya pada 6 Januari 2003 kepada sesuatu yang lebih menarik minat pembaca. Pada tahun 2003 juga, Hishamudin Aun telah dilantik sebagai Pengarang Kumpulan yang berkhidmat selama tiga tahun. Semasa perkhidmatan beliau sisipan baharu telah diperkenalkan pada 4 Oktober 2003 yang menerbitkan Ikon pada setiap hari Sabtu. Kemudian, terbit pula sisipan baharu, iaitu EPG (Emas, Perak, Gangsa) yang menggantikan edisi Jaguh yang menjadi sisipan sukan. Akhirnya pada Januari 2004, jualan akhbar Berita Harian telah mencapai sebanyak 238,000 naskhah sehari. Muncul pula edisi muka depan untuk Wilayah Tengah, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah, Sarawak, Timur Utara dan Selatan. Harga akhbar Berita Harian dinaikkan senaskhah RM1.50 pada tahun 2005. Pada tahun yang sama juga Berita Harian telah merubah reka letak dan grafiknya untuk lebih kelihatan menarik pada 20 Jun 2005. Kemudian, fakta nombor yang menjadi elemen baharu telah diperkenalkan dalam beritanya.

Seterusnya, pelantikan Hishamudin sebagai Ketua Pengarang Kumpulan NSTP telah memberikan perubahan baharu dengan pelantikan Dato’ Manja Ismail sebagai Pengarang Kumpulan pada 1 April 2006. Pada 10 April 2006 pula RakanBH telah diperkenalkan yang menggunakan telefon bimbit untuk menghantar sebarang komen kepada Berita Harian. Akhbar Berita Harian yang masih unggul hingga ke hari ini berjaya mengekalkan kecemerlangannya dengan moto ‘Merentas Generasi’ dan slogan ‘Satu Untuk Semua’. Kini, Berita Harian tidak memandang remeh pada ancaman media baharu di laman sesawang. Malahan Berita Harian mengimbangi kelebihan media baharu dan akhbar yang masing-masing mempunyai kekuatan dan keunikannya.

Antara bekas pengarang Kumpulan Berita Harian, iaitu Tan Sri A Samad Ismail (1958-1972), Abdul Wahab Zain (1972-1975), Datuk A Samad Said (1976-1977), Salim Kajai (1978-1983), Adibah Amin (1983-1984), Datuk Ahmad Sebi Abu Bakar (1984-1986), Datuk Abdul Kadir Jasin (1986-1988), Datuk Ahmad Nazri Abdullah (1988-1998), Datuk Ahmad Rejal Arbee (1998-2003), Datuk Hishamuddin Aun (2003-2006), Datuk Manja Ismail (2006-2009), Datuk Mior Kamarul Shahid (2009-Okttober 2013) dan Datuk Mahfar Ali (2013-kini).

### **1.1.2 Utusan Malaysia Secara Bercetak kepada *Online***

Utusan Malaysia memulakan langkah pada tahun 18 Jun 1938 dengan nama Utusan Melayu yang diperbadankan di Singapura pada masa itu, Utusan Malaysia di bawah kelolaan Utusan Melayu Press Limited. Pada 29 Mei 1939 pula naskhah pertama akhbar Utusan Melayu telah diterbitkan di 64, Quenn Street, Singapura dengan menggunakan Peti Surat 764. Pada masa itu, Utusan Melayu hanya dijual pada harga 0.10 sen senaskhah. Antara nama hebat yang pernah menjadi pengarang secara sementara Utusan Melayu adalah Pak Sako yang nama sebenarnya adalah Ishak Hj. Muhamad. Pada masa yang sama, Yusof Ishak menjadi Ketua Pengarang dan Pengurus Syarikat Utusan Melayi Limited. Edisi Ahad Utusan Zaman pula diterbitkan pada 5 November 1939.

Seterusnya, Mastika tulisan jawi telah diterbitkan pada 1 Jun 1941. Pada tahun yang sama juga ruangan kartun ‘Wan Ketuk’ ciptaan Kajai yang diterbitkan dalam Utusan Zaman telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Seterusnya, pada 15 Februari 1942 semasa British telah menyerah diri di Singapura maka terhentilah penerbitan akhbar Utusan Melayu. Penerbitan Utusan Melayu mula diterbitkan bersama Warta Malaya pada 16 Febuari 1942. Pada masa itu, Jepun menggunakan nama Berita Malai untuk menyebarkan propagandanya menggunakan tulisan jawi dan rumi. Utusan Melayu mula diterbitkan kembali pada 10 September 1945 di premis Strait Times, Singapura. Manakala pada 1 November 1945 akhbar Utusan Melayu kembali ke ibu pejabat asal sebelum perang berlaku. Utusan Melayu juga memainkan peranan penting dengan tertubuhnya Malayan Union pada 1 April 1946. Kemudian pada Julai 1946 Utusan Melayu telah mula dibuka di Kuala Lumpur dengan Hussien Abdul Hamid telah menjadi wartawan pada ketika itu.

Selain itu, Utusan Melayu mempunyai pejabat cawangan di Melaka, Muar, Ipoh, Pulau Pinang, Alor setar, Johor Bharu, Kuala Terengganu, Kajang, Klang dan lokasi lain pada tahun 1948. Pejabat Utusan Melayu di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur pula dibina pada tahun 1956. Menjelang tahun kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957 jualan harian Utusan Melayu telah meningkat kepada 36,000 naskhah sehari. Kemudian, pada 6 Febuari 1958 perasmian bangunan Utusan Melayu di Jalan Chan Sow Lin telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Tuanku Hisamudin Alam Shah. Akhbar Utusan Melayu ketika itu dijual pada harga 0.15 sen senaskhah yang diterbitkan pada 7 Februari 1958.

Seterusnya, pada Mei 1959 Yusuf Ishak telah berpindah ke Singapura dan berhenti daripada Utusan Melayu. Oleh itu, pada 13 Disember 1959 beliau telah dilantik sebagai Yang Dipertua Negara Singapura yang pertama pada masa itu. Dengan itu, Mohd. Nordian Shariff telah menggantikan tempat Yusof Ishak di Utusan Melayu pada tahun 1961. Akhbar Utusan Pemuda telah diterbitkan pada 6 Ogos 1960. Ibrahim Fikri telah menjadi Ketua Pengarang dan Pengarah Utusan Melayu pada 10 Julai 1961 yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Utusan Melayu. Datuk Melan Abdullah telah dilantik menjadi Ketua Pengarang Utusan Melayu pada tahun 1962.

Pencapaian demi pencapaian telah dilakukan oleh Utusan Melayu sehingga tahun 1995. Pada tahun tersebut Majalah Mangga, Majalah Pintar, Saji, Majalah Pemikir dan Majalah Massa telah mula diterbitkan. Utusan Melayu telah menjadi Akhbar elektronik pertama di Malaysia pada 17 Januari 1996 yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur. Semakin melonjak tahun semakin banyak majalah yang berjaya diterbitkan oleh Utusan Melayu. Manakala pelancaran CR-ROM Almanak Utusan 1996/1997 di Perpustakaan Negara Malaysia telah dilancarkan pada 30 Januari 1997.

Pada 2 Oktober 2000, Mohd. Nasir Ali telah menjadi Pengarah Eksekutif Kumpulan. Portal Pendidikan Utusan pula muncul pada 2 Julai 2001 yang boleh dicapai melalui [www.tutor.com.my](http://www.tutor.com.my) di alam maya. Asia Online Utusan Sdn Bhd telah menjadi anak syarikat kepada Utusan Melayu (Malaysia) pada 21 Februari 2002. Akhbar Utusan Melayu mingguan telah diterbitkan pada tahun 2003 untuk menggantikan akhbar Utusan Melayu harian. Antara lain yang penting dalam kronologi sejarah Utusan Melayu adalah pelancaran penerbitan akhbar Kosmo! yang dilancarkan pada 31 Ogos 2004. Penerbitan Kosmo! telah menjadi tunjang kepada penerbitan Kosmo! Ahad pada 2 Januari 2005. Pada tahun 2006 sekali lagi Utusan Melayu menunjukkan bahawa akhbar ini berfungsi sebagai media atas talian yang utama dengan pelancaran portal ‘[www.kareer.com.my](http://www.kareer.com.my)’. Tambahan lagi, Utusan Melayu juga telah berjaya menerbitkan majalah secara atas talian seperti [www.maggaonline.com](http://www.maggaonline.com). Manakala pada tahun 2010, Utusan melayu menjadikan akhbar atas talian mereka lebih bermanfaat dengan capaian [www.adap.com.my](http://www.adap.com.my), iaitu Akhbar Dalam Pembelajaran (ADaP) yang boleh dicapai secara atas talian.

Kemajuan Utusan Melayu adalah selaras dengan kemajuan media baharu dengan adanya [www.e-lab.com.my](http://www.e-lab.com.my) pada 13 Mei 2011. Pelancaran akhbar digital, iaitu e-Paper pula adalah pada 30 November 2012 dan boleh diakses melalui web, android dan iPad. Pada 21 Jun 2013 pula Jabatan Pengarang Utusan Melayu telah berpindah secara rasminya ke bangunan baharu yang bermula pada Mei 2013.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Kajian tentang penerbitan dan kandungan akhbar mendapat perhatian oleh golongan academia di Institusi Pengajian Tinggi bahkan, merentas sempadan taraf akademik dalam pelbagai bidang di dunia ini. Bersesuaian dengan arus perkembangan akhbar

yang kini semakin rancak di Malaysia. Jika dahulu hanya akhbar yang ditulis dengan bahasa yang standard sahaja diterbitkan tetapi kini akhbar picisan juga mula diterbitkan untuk khalayak pembaca. Malahan, manakala kemunculan akhbar picisan seperti Harian Metro dan Kosmo! yang membincangkan topik hangat menyebabkan akhbar berkenaan menjadi pilihan pembaca pada masa kini (Julia Wirza Mohd Zawawi dan Chang Peng Kee, 2013 : 143). Dalam perkembangan akhbar ini, tidak dinafikan penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan berita jenayah mampu menjadi bahasa pengantara yang baik dalam menyampaikan maklumat.

Perbincangan yang berkaitan dengan persoalan penerbitan, kandungan berita dan penggunaan bahasa Melayu sering mendapat reaksi dan pandangan yang berbeza-beza daripada pelbagai pihak sama ada golongan aktivis atau pejuang bahasa Melayu, golongan akademik dan rakyat kebanyakan (Arba'ie Sujud, Jama'yah Zakaria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2011: 63). Oleh itu, tidak hairanlah jika penulisan berita dalam akhbar atas talian yang membicarakan tentang sesuatu isu yang berlaku mendapat persepsi yang berbeza dari setiap individu. Seterusnya, penulisan akhbar dalam bahasa Melayu menjadi lebih menonjol di Malaysia kerana faktor bahasanya. Lompong kajian ini diambil oleh pengkaji untuk mengkaji penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu yang menggunakan medium berbentuk teks, iaitu akhbar atas talian di Malaysia sebagai bahan kajian.

Seterusnya, kajian sebelum ini menumpukan tentang penulisan dalam bahasa Melayu untuk penerbitan ilmiah. Malahan kajian sebelum ini juga memperkatakan isu yang berlaku dalam penulisan saintifik di Malaysia. Seterusnya, kajian lepas juga memperkatakan tentang pemerkasaan dan pembudayaan bahasa Melayu dalam penulisan ilmiah. Selain itu, kajian lepas telah memfokuskan kepada penulisan buku oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan memberi fokus kepada penulisan teks dalam akhbar atas talian yang menggunakan bahasa Melayu sebagai medium penyampaian maklumat.

Akhbar di Malaysia menyajikan bahan-bahan yang mempunyai keistimewaan tersendiri bagi menarik khalayak pembaca untuk memilih akhbar tersebut. Antara topik yang sering mendapat perhatian adalah isu jenayah yang berlaku saban hari di Malaysia. Oleh itu, penulisan berita jenayah di dalam akhbar begitu memainkan peranan yang penting dalam masyarakat bagi mengetahui berita sensasi dan terkini yang berlaku sama ada di dalam negara atau di luar negara.

Di samping itu, berita jenayah, menjelaskan bahawa erti kemanusiaan sudah hilang dalam kehidupan ini dan kezaliman sesama manusia semakin membimbangkan (Sharil Nizam Sha'ri dan Jessica Ong, 2011:430). Pengertian ini menguatkan lagi sebab sesebuah penulisan berita jenayah sangat penting dalam masyarakat. Malahan menjadi pengajaran, memberi peringatan dan maklumat kepada pembaca berita tersebut. Tambahan lagi, kedamaian hidup semakin tergugat kerana saban hari media cetak melaporkan banyak kes jenayah dan menggemparkan masyarakat (Sharil

Nizam Sha’ri dan Jessica Ong, 2011: 430). Lompang kajian ini diisi oleh penyelidik untuk mengkaji penulisan berita jenayah di dalam akhbar atas talian. Kajian sebelum ini yang telah dijalankan oleh Sharil Nizam Sha’ri dan Jessica Ong memfokuskan kepada penulisan akhbar yang menggunakan medium penyampaian melalui media cetak. Oleh itu, penyelidik akan menjalankan penelitian dengan lebih jelas bagaimana penulisan akhbar atas talian dalam bahasa Melayu di Malaysia berkaitan jenayah yang berlaku dengan mengambil dua akhbar atas talian utama yang menggunakan medium bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Kajian yang melibatkan kes-kes jenayah memerlukan strategi tertentu untuk memudahkan khalayak pembaca memahami apa-apa yang ingin disampaikan. Walaupun penggunaan bahasa yang baik dalam penulisan digunakan namun masih terdapat penulisan berita jenayah yang tidak dapat menarik perhatian pembaca. Wacana ilmu begitu penting dalam semua bidang di dalam akademik. Malahan kepentingan wacana bukan sahaja dalam bahasa tetapi diperlukan dalam bidang sains mahupun bidang lain yang menggunakan bahasa dalam penyampaian maklumat. Oleh itu, pewacanaan ilmu merupakan sesuatu yang strategik dan unik dan menjadikan semua bidang ilmu boleh disampaikan dalam bahasa Melayu melalui wacana yang sesuai dan strategik (Idris Aman, 2014: 189). Kesannya, pewacanaan ilmu begitu strategik tetapi belum tentu mampu disampaikan kepada semua golongan pembaca. Malahan, penggunaan wacana yang baik menjadi sesuatu yang penting dalam penulisan berita jenayah dalam akhbar atas talian. Hal ini kerana penulisan berita jenayah yang menggunakan medium atas talian menjadi pilihan khalayak pembaca kerana bersifat mudah, jimat dan pantas.

Selain itu, bidang kajian wacana juga menganalisis dan meneroka strategi wacana bahasa Melayu akademik bidang Sains dan Teknologi (S&T) yang ditulis dalam bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu berdasarkan genrenya dalam jurnal berimpak tinggi dan terindeks (Idris Aman, 2014: 189). Tetapi, perkembangan ini tidak berlaku dalam penulisan berita jenayah, walaupun maklumat berkaitan jenayah yang berlaku begitu penting untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira kedudukan sosial, agama dan fahaman. Selain itu, pewacanaan ilmu juga merupakan sebahagian proses komunikasi antara penulis atau penutur sebagai penghasil wacana dengan pendengar atau pembaca sebagai sasaran (Idris Aman, 2014: 189). Lompang kajian ini memberi ruang kepada pengkaji untuk menjalankan penyelidikan tentang strategi penulisan wacana jenayah yang paling banyak digunakan dalam bahasa Melayu di Malaysia. Hal yang demikian bagi memberi pemahaman yang lebih jelas kepada semua jenis golongan khalayak pembaca. Kajian ini juga bertujuan untuk memfokuskan penulisan wacana jenayah yang boleh menjadi penulisan yang baik untuk dibaca oleh masyarakat umum. Hal ini kerana penulisan berita jenayah yang baik mampu memberikan kesan kepada khalayak pembaca dari aspek pencegahan jenayah dan pengurangan kadar jenayah di Malaysia. Selain itu, kepentingan penulisan berita jenayah juga adalah salah satu daripada cara komunikasi antara wartawan jenayah dan penulis persendirian dengan khalayak pembaca melalui penulisan mereka. Kajian ini memperlihatkan peri pentingnya penghasilan mutu penulisan berita jenayah yang baik bagi maklumat jenayah yang tepat, memberikan kesan dan berkualiti kepada khalayak pembaca di Malaysia. Malahan melalui

penulisan berita jenayah dapat mendekatkan penulis berita jenayah dengan khalayak pembaca walaupun hanya melalui teks.

Kemudian, kajian berkaitan kohesi yang menggunakan Teori Hassan & Halliday 1976 antara teori yang sesuai digunakan dalam kajian teks. Malahan, kohesi merujuk sebarang cara yang dapat menghubungkan kata, klausa, ayat atau perenggan dalam sesuatu wacana (Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman dan Norsimah Awal, 2015:2). Hal ini menunjukkan penggunaan unsur kohesi di dalam teks begitu penting kerana berkait antara satu sama lain hingga menghasilkan sebuah ayat. Malahan, penggunaan kohesi dalam binaan ayat penulisan berita jenayah begitu penting untuk menghasilkan ayat yang baik. Selain itu, kajian kohesi mula mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji bahasa di Barat apabila Halliday dan Hasan (1976) menghasilkan buku yang bertajuk *Cohesion in English* (Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman dan Norsimah Awal, 2015:2). Teori Hassan & Halliday 1976 secara umumnya mengandungi kohesi gramatikal dan leksikal. Bagaimanapun, buku *Cohesion in English* menjadi panduan bagi rujukan penting dalam kajian berkaitan kohesi. Kemudian, pengkaji kohesi telah mencadangkan prosedur yang praktikal untuk menganalisis teks bahasa Inggeris dan menghubungkannya dengan konteks penggunaan (Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman dan Norsimah Awal, 2015:2). Seterusnya, kajian kohesi dalam bahasa Melayu kini begitu meluas dengan mengaplikasikan Teori Hassan & halliday 1976. Begitu juga, kajian yang melibatkan penulisan berita yang menggunakan unsur bahasa sepenuhnya. Kajian lepas yang dijalankan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman dan Norsimah Awal (2015) bertujuan untuk mengenal pasti pelbagai unsur kohesi dalam wacana sains tulen dan kepelbagaian unsur kohesi serta dihubungkan dengan strategi penggunaannya dalam wacana sains. Lompang kajian ini memberikan ruang kepada pengkaji untuk mengaplikasikan unsur kohesi leksikal ,iaitu pengulangan dan sinonim yang terdapat dalam Teori Hassan & Halliday 1976 dalam penulisan berita jenayah akhbar atas talian. Hal ini kerana, Teori Hassan & Halliday 1976 sesuai diaplikasikan dalam kajian yang melibatkan penulisan teks seperti berita jenayah.

Seterusnya, penggunaan kata adjektif dalam penulisan ilmiah begitu penting dalam binaan ayat setiap penggunaan Bahasa di dunia. Oleh itu, adjektif merupakan satu elemen bahasa yang amat penting untuk menggambarkan dan memperincikan sesuatu barang atau perkhidmatan yang ditawarkan (Mardewee Endut dan Hazlina Abdul Halim, 2011: 186). Maka, dalam penulisan berita jenayah juga kepentingan penggunaan kata adjektif bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh. Malahan memerlukan ketelitian dalam pemilihan kata adjektif dengan situasi berita yang perlu disampaikan. Selain itu, strategi elaborasi kata sifat atau kata adjektif amat berguna untuk diguna pakai dalam pembelajaran bahasa Perancis untuk mempertingkatkan lagi kemahiran pengolahan kata kerja dan penyusunannya di dalam sesuatu ayat (Hazlina Abdul Halim *et al.*, 2011: 138). Jelaslah bahawa penggunaan kata adjektif mempengaruhi binaan ayat di dalam sesebuah berita. Kajian lepas berkaitan kata adjektif memfokuskan tentang barang, perkhidmatan dan kegunaan dalam bahasa Perancis. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini pula memberi fokus kepada penggunaan kata adjektif dalam penulisan berita jenayah dalam akhbar atas talian di Malaysia. Malahan kajian yang dijalankan ini akan memberi fokus dalam

penggunaan kata adjektif dalam bahasa Melayu berita jenayah akhbar atas talian di Malaysia. Hal ini kerana kata adjektif dalam bahasa Melayu digunakan secara meluas dalam akhbar atas talian di Malaysia.

Kepentingan penggunaan kata adjektif di dalam penulisan atau teks mendorong kajian ini dijalankan terhadap penulisan berita jenayah dalam akhbar atas talian. Terutamanya, apabila melibatkan penulisan berkaitan jenayah berat yang berlaku dalam akhbar atas talian. Hal ini kerana penulisan berita adalah salah satu elemen penting dalam menyampaikan berita kepada khalayak pembaca. Malahan, berita jenayah berperanan memberikan impak kepada pembaca supaya sedar akan jenayah yang berlaku di sekeliling mereka. Kepentingan penggunaan kata adjektif menjadi salah satu elemen utama dalam pembentukan teks sehingga menjadi sebuah artikel dalam akhbar atas talian.

Sewajarnya, penggunaan kata adjektif dalam berita jenayah perlu dikaji dengan lebih mendalam dengan melihat aspek pengulangan dan sinonim berdasarkan Teori Hassan & Halliday 1976. Hal ini kerana, pengulangan menunjukkan kepentingan kata adjektif yang digunakan dalam sesebuah akhbar atas talian. Hal ini kerana, pengulangan menunjukkan kepentingan kata adjektif yang digunakan. Begitu juga unsur sinonim yang wujud bagi mempelbagaikan penggunaan perkataan yang membawa maksud yang sama dalam sesebuah akhbar atas talian untuk memberikan kesan yang lebih menarik kepada pembaca. Penggunaan perkataan yang pelbagai tetapi membawa maksud yang sama boleh digunakan untuk menjadikan sesebuah artikel tidak membosankan pembaca. Malah, hasil kajian dapat menjadi panduan untuk penulisan berita jenayah yang lebih baik di masa akan datang.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Kajian yang bertajuk *Kata Adjektif dalam Berita Jenayah Akhbar Atas Talian* dijalankan bagi menjawab persoalan kajian:

- 1.3.1 Apakah pengelasan kata adjektif yang digunakan dalam wacana jenayah akhbar atas talian BH Online dan Utusan Malaysia Online?**
- 1.3.2 Apakah kata adjektif dalam wacana jenayah yang mengalami unsur sinonim dan perulangan yang dianalisis menggunakan kerangka Teori Hassan & Halliday 1976?**

### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan bagi mengetahui dengan lebih teliti lagi penggunaan kata adjektif yang digunakan dalam wacana jenayah melalui akhbar atas talian BH Online dan Utusan Malaysia Online. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif yang berikut:

**1.4.1 Mengenal pasti kata adjektif dalam wacana jenayah yang digunakan dalam akhbar atas talian BH *Online* dan Utusan Malaysia *Online*.**

**1.4.2 Mengaplikasikan unsur sinonim dan pengulangan dalam Teori Hassan & Halliday 1976 bagi menganalisis pengelasan kata adjektif akhbar atas talian BH *Online* dan Utusan Malaysia *Online*.**

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting dijalankan bagi mengetahui jenis kata adjektif dalam penulisan wacana jenayah yang digunakan dalam akhbar atas talian di Malaysia kerana wacana jenayah mempunyai perkataan yang boleh mempengaruhi pemikiran khalayak pembaca dan memberikan kesan kepada emosi pembacanya. Lagipun, kata adjektif yang digunakan dengan lebih meluas dan teliti untuk mendapatkan pemilihan kata adjektif yang paling banyak dan tepat digunakan dalam penulisan berita jenayah dalam akhbar atas talian.

Selain itu, kajian ini memberi kepentingan berita atau wacana jenayah boleh diterapkan dengan penganalisisan data menggunakan kerangka Teori Hassan & Halliday 1976. Dapatan kajian tersebut dapat membantu kajian seterusnya dalam penggunaan teori yang sama atau gabungan teori yang lebih mantap dalam analisis laporan berita atau rencana dalam penulisan wacana jenayah. Bagaimanapun, kajian yang dijalankan ini hanya memfokuskan kepada dua aplikasi dalam kerangka Teori Hassan & Halliday 1976, iaitu unsur sinonim dan pengulangan penggunaan kata adjektif dalam berita jenayah atas talian.

Seterusnya, kajian ini juga begitu penting untuk mencadangkan strategi pemilihan kata adjektif yang sesuai digunakan dalam penulisan laporan berita untuk menghasilkan wacana jenayah yang baik. Hal ini berikutan maklumat yang disampaikan melalui berita jenayah begitu penting kepada masyarakat umum. Malahan, bukan sahaja kepada masyarakat tetapi individu yang berkecimpung dalam dunia keadilan jenayah juga mendapat manfaat daripada kajian yang dijalankan ini. Oleh itu, cara yang terbaik untuk menyampaikan maklumat berkaitan peristiwa sesuatu jenayah yang telah berlaku memerlukan penggunaan kata adjektif yang terbaik bagi menghasilkan sebuah wacana jenayah yang berkualiti. Cadangan ini dapat membantu wartawan jenayah mahupun penulis berita persendirian untuk menulis sebarang laporan berita berkaitan jenayah yang berlaku kepada semua lapisan masyarakat. Sehubungan itu, maklumat melalui wacana jenayah akan memberikan impak kepada semua golongan agar lebih memahami tentang jenayah yang berlaku dengan lebih jelas. Hal ini kerana, berita jenayah dalam akhbar bercetak dan akhbar atas talian ditulis oleh wartawan yang sama. Maka, kualiti yang dipaparkan melalui akhbar atas talian perlu setanding dengan akhbar bercetak.

Selain itu, kajian ini dilihat dapat menjadikan penulisan wacana jenayah lebih mantap berbanding sebelum ini. Namun begitu, penghasilan wacana jenayah yang menarik dan sesuai dengan situasi boleh menarik lebih ramai khalayak pembaca

untuk memilih akhbar atas talian. Hal ini kerana akhbar atas talian boleh membantu masyarakat dalam menyampaikan maklumat penting berkaitan jenayah secara terus tanpa sempadan dan had masa.

Malahan akhbar atas talian juga boleh menjimatkan kos pembelian akhbar bercetak. Memandangkan kos hidup yang semakin meningkat dewasa ini, penjimatan pembelian akhbar boleh membantu pendapatan per kapita isi rumah. Apabila wacana jenayah dapat dihasilkan dengan berkualiti dan setanding akhbar bercetak, pastinya khalayak pembaca memilih untuk mendapatkan akhbar atas talian sebagai sumber maklumat terkini. Sehubungan itu, perniagaan secara atas talian dapat ditingkatkan dengan penjualan akhbar secara atas talian. Selain itu, pembelian akhbar atas talian dapat menjimatkan masa pembaca yang sibuk.

Rentetan itu, syarikat akhbar juga boleh memasarkan berita jenayah dengan lebih serius melalui laman sesawang. Hal ini kerana syarikat penerbitan akhbar bercetak perlu menanggung kos percetakan akhbar yang tinggi setiap hari. Jika berita dapat disalurkan secara terus melalui atas talian maka kos percetakan dapat dikurangkan. Apabila kualiti penulisan dalam wacana jenayah lebih menarik dengan penggunaan kata adjektif dan sesuai dengan peristiwa jenayah yang berlaku maka khalayak pembaca akan melanggan berita melalui sistem *online* sahaja. Hal ini kerana berita jenayah di Malaysia boleh disampaikan melalui atas talian tanpa batasan ke seluruh dunia. Peluang ini dapat menjana pendapatan kepada syarikat akhbar tersebut dan sekaligus dapat meningkatkan pendapatan negara.

## 1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menganalisis berita jenayah yang ditulis dalam akhbar atas talian seperti BH *Online* dan Utusan Malaysia *Online* dalam laman sesawang. Kepesatan teknologi telah memperluas lagi penghasilan berita bercetak hingga ke alam maya kepada pembacanya. Kebanyakan syarikat akhbar utama di Malaysia mempunyai laman web masing-masing. Antara akhbar utama di Malaysia yang menjadi tumpuan khalayak pembaca adalah akhbar *Kosmo*, *Sinar*, *Harakah* dan akhbar lain yang diterbitkan oleh setiap negeri di Malaysia. Kajian hanya mengambil empat akhbar atas talian sahaja untuk mendapatkan data. Akhbar atas talian yang diambil sebagai alat kajian adalah dua akhbar yang menggunakan bahasa Melayu dan dua lagi adalah bahasa Inggeris.

Seterusnya, bagi kajian ini hanya mengambil data daripada laporan berita jenayah sahaja dalam akhbar atas talian. Di dalam akhbar mempunyai terdapat banyak jenis berita namun begitu laporan berita lain tidak digunakan dalam analisis data bagi kajian ini. Antara berita lain yang tidak menjadi bahan kajian adalah seperti berita sukan, berita ekonomi, berita hiburan, berita setempat, berita politik dan sebagainya. Hal ini kerana kajian ini perlu memfokuskan kepada kajian berkaitan wacana jenayah sahaja. Berita lain juga penting sebagai maklumat untuk khalayak pembaca namun begitu kepentingan penyampaian berita jenayah jauh lebih penting kepada

masyarakat. Malahan kajian juga terbatas kepada akhbar-akhbar picisan yang diterbitkan seperti Harian Metro dan Kosmo!. Hal ini kerana berita picisan yang diterbitkan dalam bentuk tabloid berbeza dengan akhbar atas talian seperti Utusan Malaysia *Online* dan Harian Metro *Online*.

Selain itu, kajian ini terbatas dengan mengambil kira analisis data melalui gambar yang disiarkan bersama berita atas talian. Hal ini kerana, gambar yang disiarkan tidak dipraktikkan oleh semua akhbar atas talian Berita Harian *Online* dan Utusan Malaysia *Online*. Sumber gambar dimasukkan ke dalam berita jenayah atas talian jika sumber sahih tersebut dihantar oleh wartawan jenayah ketika liputan atau sumber ehsan daripada orang awam yang dihantar kepada penulis berita dan wartawan.

Kemudian, kajian yang dijalankan juga dibataskan kepada petikan yang dimuatkan bersama gambar yang disiarkan dalam akhbar atas talian BH *Online* dan Utusan Malaysia *Online*. Hal ini kerana, petikan tersebut diulang semula daripada petikan yang terdapat di dalam artikel berita jenayah penuh. Oleh itu, gambar dan petikan di bawahnya hanya dimutkan sebagai penarik kepada pembaca untuk membaca berita jenayah yang disiarkan. Malahan bertujuan untuk mengariskan sesuatu kepentingan berita dan jenayah yang berlaku kepada khalayak pembaca.

Seterusnya, kajian juga dibataskan dengan mengambil hanya akhbar atas talian yang menggunakan bahasa Melayu di Malaysia. Walaupun terdapat akhbar lain yang menjadi bahan bacaan di Malaysia, namun akhbar atas talian utama sahaja yang dijadikan data kajian. Terdapat juga akhbar yang menggunakan medium tulisan jawi, akhbar bahasa Inggeris, Mandarin dan bahasa Tamil di negara ini. Hal ini kerana akhbar yang menggunakan tulisan jawi, bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil mempunyai golongan pembaca tertentu sahaja yang memahami tulisan tersebut. Walaupun akhbar atas talian berbahasa Inggeris juga sering menjadi pilihan khalayak pembaca di Malaysia tetapi medium penyampaian berbahasa Melayu menjadi pilihan utama di Malaysia.

Kajian ini juga terbatas kepada tujuan dan objektif bagi mengetahui dengan lebih teliti lagi penggunaan kata adjektif yang lebih sesuai dalam wacana jenayah melalui akhbar atas talian BH *Online* dan Utusan Malaysia *Online*. Wacana yang digunakan begitu penting dalam pewacanaan ilmu termasuklah penulisan laporan berita jenayah yang tidak terkecuali dalam masyarakat di Malaysia.

Berdasarkan objektif kajian yang pertama, kajian terbatas untuk mengenal pasti kata adjektif yang digunakan dalam akhbar atas talian seperti BH *Online* dan Utusan Malaysia *Online*. Hal ini kerana di dalam binaan ayat terdapat juga penggunaan kata kerja, kata hubung, ayat pasif, ayat aktif dan ayat songsang dalam wacana jenayah. Oleh kerana, terdapat banyak jenis penggunaan tatabahasa maka hanya kata adjektif sahaja yang dipilih dalam kajian yang dijalankan ini untuk dijadikan sebagai data.

Hal ini kerana kata adjektif mempunyai cabang yang lebih luas untuk dikelaskan dalam jenis-jenis tertentu. Maka kata adjektif perlu dipilih dalam artikel jenayah melalui akhbar atas talian.

Kemudian, kajian dibataskan dalam objektif kajian kedua untuk mengkelaskan jenis-jenis kata adjektif dalam wacana jenayah. Oleh itu, hanya sembilan pengelasan kata adjektif berpandukan satu rujukan sahaja digunakan dalam kajian yang dijalankan ini. Rentetan itu, rujukan utama pengelasan kata adjektif dirujuk dalam Tatabahasa Dewan Edisi Baharu yang diterbitkan oleh DBP. Hal ini kerana, rujukan di dalam Tatabahasa Dewan Edisi Baharu adalah lebih jelas dan menjadi pilihan para sarjana dalam analisis kajian yang dijalankan berkaitan bidang bahasa di Malaysia.

Selain itu, kajian ini terbatas kepada teori yang melibatkan kajian analisis pertuturan dalam wacana. Oleh yang demikian, teori Hassan & Halliday 1976 digunakan untuk menganalisis kata adjektif dalam wacana jenayah melalui akhbar atas talian yang telah dipilih. Bagaimanapun kajian dibataskan dengan hanya memfokuskan kepada kohesi leksikal untuk menganalisis data. Hal ini kerana, tidak semua teori sesuai diaplikasikan dalam pengelasan kata adjektif bagi laporan berita akhbar jenayah. Malahan kajian dibataskan dengan unsur lain di dalam kerangka teori Hassan & Halliday 1976, iaitu kolokasi, *superordinates*, penggantian dan elepsis. Oleh itu, kajian hanya memberi fokus kepada sinonim dan perulangan kata adjektif yang telah dikelaskan.

## 1.7 Definisi Operasional

Definisi bagi tajuk kajian penting untuk mengetahui dengan lebih jelas tentang sesuatu kajian yang sedang dikaji oleh penyelidik. Malahan dalam kajian yang bertajuk *Kata Adjektif dalam Berita Jenayah dalam Akhbar Atas Talian* mempunyai beberapa definisi operasional yang penting untuk digariskan sepanjang kajian dijalankan. Antara pecahan definisi operasional bagi tajuk kajian, iaitu:

### 1.7.1 Wacana

Kajian ini menjelaskan pengertian istilah yang bersangkutan seperti ‘teks’, ‘analisis wacana’ dan ‘analisis’ itu sendiri. Malahan, istilah ‘wacana’ ialah padanan istilah *discourse* dalam bahasa Perancis, *al-makalah* bagi bahasa Arab atau *tamhwa* dalam bahasa Korea (Idris Aman, 2010: 25). Oleh itu, beliau turut menjelaskan bahawa banyak pengertian wacana dikemukakan oleh ahli dalam bidang ini. Selain itu, Idris Aman (2006: 32) menjelaskan bahawa ‘wacana’ (*discourse*) secara mudah adalah unit bahasa yang melebihi batas ayat. Istilah ‘wacana’ tidak sama dengan teks. Oleh itu, ‘wacana’ adalah satu istilah yang terpisah dengan teks. Bagaimanapun istilah ‘wacana’ sering kali juga dikelirukan dengan istilah ‘teks’. Dalam erti kata mudah, ‘wacana’ adalah satu ilmu yang meluas melebihi sintaksis atau morfem. Bagaimanapun dalam kajian wacana memerlukan data daripada ujaran atau teks sesuatu ayat. Menurut Idris Aman (2006: 33) menyatakan bahawa, sebagai contoh

terdapat ahli linguistik yang membataskan makna teks kepada percakapan atau penulisan oleh satu orang sahaja atau bersifat monolog non-interaktif, manakala wacana adalah interaksi pertuturan dan penulisan dua orang atau lebih.

### **1.7.2 Berita**

Berita adalah persoalan asas yang sering ditanya iaitu ‘apakah yang menjadikan sesebuah peristiwa kepada berita’ dan menjelaskan bahawa pencarian difenisi dalam kajian buku-buku kewartawanan Barat menyatakan bahawa definisi berita begitu sukar untuk didefinisikan (Siti Suriani et.al, 2013:52). Menurut beliau lagi, definisi berita menunjukkan bukan satu persoalan yang mudah untuk dijawab berdasarkan kajian yang dijalankan sebelum ini. Namun begitu, berita adalah laporan yang bermaklumat tentang sesuatu peristiwa yang telah berlaku.

### **1.7.3 Jenayah**

Jenayah merupakan perlakuan yang menyalahi undang-undang bertulis yang telah ditetapkan dalam sesebuah pentadbiran negara. Menurut Roslan Mat Nor dan Zamani Haji Sulaiman (1998: 1), jenayah adalah tingkah laku serta kegiatan antara individu di dalam masyarakat dengan menggariskan beberapa perlakuan yang boleh dikategorikan sebagai kesalahan jenayah sekiranya ia melanggar norma-norma kehidupan sesebuah masyarakat. Dalam erti kata lain, ia adalah berkaitan dengan kesalahan individu atau negara yang bertentangan dengan peruntukan undang-undang bertulis (Mat Nor dan Zamani Haji Sulaiman, 1998: 1). Oleh itu, jenayah mempunyai hubungan yang rapat dengan sistem perundangan di sesebuah negara.

### **1.7.4 Kata adjektif**

Kata adjektif adalah cabang kecil dalam sistem tatabahasa. Menurut Nik Safiah Karim *et.al*, (2004:213), kata adjektif yang juga dikenal sebagai kata sifat, ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Selain itu, frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur-unsur keterangan yang lain seperti kata bantu atau kata penguat (Nik Safiah Karim *et.al.*, 2004:213).

### **1.7.5 Akhbar atas talian**

Akhbar merupakan helaian kertas yang memaparkan berita yang berlaku sama ada di dalam negara dan di luar negara. Asmah Haji Omar (2007: 112-113) menjelaskan bahawa akhbar dimaksudkan juga surat khabar harian, buletin berkala dan makalah, dan medium ini bertujuan menyebarkan maklumat kepada khalayak, di samping mempunyai edaran yang sangat luas dari segi kawasan geopolitik, selain merentasi semua golongan umur dan lapisan masyarakat.

Atas talian sering disebut sebagai *online* oleh masyarakat yang begitu rapat dengan penggunaan jaringan internet dan berkaitan dengan perkhidmatan yang ditawarkan melalui alam maya di laman sesawang. Teknologi maklumat dan komunikasi semakin berkembang dengan adanya pelbagai aplikasi berdasarkan internet (Siti Ezaleila Mustafa dan Azizah Hamzah, 2010: 37). Selain itu, atas talian juga dikaitkan dengan dunia tanpa sempadan kerana saluran berita dan infomasi juga maklumat dapat disampaikan dengan pantas. Menurut Hamidah Abdul Wahab (2012: 25) dalam konteks dunia tanpa sempadan yang dilengkapi kemudahan teknologi komunikasi terkini, akses terhadap akhbar atas talian dilihat lebih mudah kerana pembaca dapat melayari laman tersebut pada bila-bila masa, asalkan memiliki gajet tertentu dan kemudahan internet. Oleh itu, atas talian merangkumi aspek penggunaan gajet, mudah, efektif dan memerlukan capaian internet. Malahan atas talian juga dikenali sebagai cangkupan kepada dunia tanpa sempadan yang menghubungkan dunia.

### 1.7.6 Kohesi leksikal

